



## NEWS RELEASE

13 March 2023

**RM5.7 million from GLICs and GLCs to Johor flood crisis to date**

**Kuala Lumpur, 13 March 2023** – GLC Demi Rakyat dan Negara (GDRN), a collective of Government-Linked Companies (GLC) and Government-Linked Investment Companies (GLIC) Malaysia, has contributed over RM5.7 million to date as part of its joint effort to amplify humanitarian aid for the flood crisis that has severely hit several districts in Johor starting last week.

GDRN members together with National Disaster Management Agency (NADMA), local authorities and civil society partners, continue to play an active role as fast and first responders to national humanitarian crisis in the country.

The collective amount was contributions from GDRN members namely Bank Islam Malaysia Berhad, CelcomDigi Berhad, CIMB Foundation, Lembaga Tabung Haji (**TH**), Maybank, Maybank Foundation, Permodalan Nasional Berhad (PNB), PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad, Yayasan Hasanah, Yayasan Petronas, Yayasan Sime Darby, Yayasan TM, Yayasan UEM and others.

Implemented under Jalinan Kemanusiaan, the allocated contribution is to help the affected rakyat in Johor during the flood crisis especially for their recovery needs. The assistance will also be distributed to evacuation centres and organisations working on the ground to help during this period.

“We wish to thank the Prime Minister and the call to action for GLICs and GLCs to help those affected by floods. We are determined to continue working swiftly to provide the support needed to those affected. Powered by the collective action and strength of GLC and GLIC members of GDRN, we hope our contribution would help ease the burden of the families and people affected”, stated the GDRN Secretariat, which is Co-Chaired by Yayasan Hasanah and Yayasan TM.

Working closely with the National Disaster Management Agency (NADMA), and other key humanitarian disaster NGOs, GDRN, through its coalition, has activated various assistance including evacuation support by 4x4 vehicle deployment to ensure safe passage for people, on ground logistical support, gensets, prayer kits, hygiene kits, food relief in the form of ready-to-eat meals as well as post-flood financial assistance to cover the cost of electrical repairs and household supplies.

Since 2020 at the outbreak of Covid-19, through its Jalinan Kemanusiaan (Humanitarian Response) pillar, GDRN has not only provided aid to affected communities and supplies for medical frontliners during the pandemic, but it also deployed support via disaster relief response in national flood crises, cumulatively contributing approximately RM342 million from 2020 to date. Today, GDRN initiatives have extended its

scope into two other social-impact pillars, namely Jalinan Ilmu (Education) and Jalinan Sejahtera (Community &Wellbeing).

-END-

**GLC Demi Rakyat dan Negara (GDRN)**

Founded in 2013, GDRN, formerly known as “GLC Disaster Response Network”, originally served to coordinate and streamline humanitarian response aid by government-linked companies (GLCs) and government-linked investment companies (GLICs) for communities affected by natural disasters, especially during major flood crises across the country. The GDRN network aims to minimise duplications of efforts, thus ensuring aid could be deployed to more people, in a more effective manner. GDRN was founded through the Putrajaya Committee for GLC High Performance (“PCG”) alongside Khazanah Nasional (“Khazanah”) as Co-Secretariats. Since 2014, Telekom Malaysia (TM) and presently through its social-impact foundation, Yayasan TM, an entity of PCG with Yayasan Hasanah, the impact-based foundation of Khazanah, have served as the Co-Secretariats of GDRN. As the country faced the Covid-19 pandemic crisis, GDRN’s efforts also extended to humanitarian aid for affected communities and supplies for medical frontliners. In March 2022, GDRN was reintroduced as “GLC Demi Rakyat & Negara” in recognition of its extended scope to coordinate a more holistic social impact in Malaysia amongst the GLICs & GLCs. Today, the role of GDRN is centered on three main cores, Jalinan Ilmu (Education), Jalinan Sejahtera (Community & Wellbeing) and Jalinan Kemanusiaan (Humanitarian Response); with the membership of various GLCs and GLICs within the country.

For more information, visit <https://gdrnbantu.online/>



KENYATAAN MEDIA  
13 Mac 2023

**Sumbangan RM5.7 juta terkumpul setakat ini daripada GLIC dan GLC bantu komuniti terkesan banjir di Johor**

**Kuala Lumpur, 13 Mac 2023** – GLC Demi Rakyat dan Negara (GDRN), sebuah kolektif Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) Malaysia, telah menyumbang lebih daripada RM5.7 juta setakat ini dalam usaha agihan bantuan kemanusiaan untuk krisis banjir yang melanda beberapa daerah di Johor minggu lepas.

Ahli GDRN bersama-sama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), pihak berkuasa tempatan dan rakan masyarakat awam terus memainkan peranan aktif untuk tindak balas pantas dan yang terawal dalam krisis kemanusiaan di negara ini.

Jumlah terkumpul itu adalah sumbangan daripada ahli GDRN iaitu Bank Islam Malaysia Berhad, CelcomDigi Berhad, CIMB Foundation, Lembaga Tabung Haji (**TH**), Maybank, Maybank Foundation, Permodalan Nasional Berhad (PNB), PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad, Yayasan Hasanah, Yayasan Petronas, Yayasan Sime Darby, Yayasan TM, Yayasan UEM dan lain-lain.

Dilaksanakan di bawah Jalinan Kemanusiaan, sumbangan yang diberikan itu adalah untuk membantu rakyat Johor yang terkesan akibat daripada krisis banjir tersebut. Bantuan ini juga akan diagihkan kepada pusat pemindahan dan organisasi-organisasi yang bertugas di lapangan untuk membantu sepanjang tempoh pemulihan banjir.

"Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri atas seruan tindakan terhadap GLIC dan GLC untuk membantu mereka yang terjejas akibat banjir. Kami bertekad untuk terus bekerja dengan pantas dan cepat bagi menyediakan sokongan yang diperlukan kepada mereka. Dengan kekuatan kolektif GLC dan GLIC ahli-ahli GDRN, kami berharap sumbangan ini dapat membantu meringankan beban keluarga dan rakyat yang terjejas", kata Sekretariat GDRN, yang dipengerusikan bersama oleh Yayasan Hasanah dan Yayasan TM.

Kerjasama erat bersama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), dan gabungan NGO bencana kemanusiaan yang lain, GDRN, melalui gabungannya, telah mengaktifkan sokongan pemindahan dengan menggunakan kenderaan 4x4 bagi memastikan laluan selamat ke logistik alternatif. Selain itu, turut disumbangkan adalah mesin janakuasa elektrik, kit solat, kit kebersihan, bantuan makanan sedia dimakan, serta bantuan kewangan pasca banjir untuk menampung kos pemberian elektrik dan bekalan isi rumah.

Sejak tahun 2020 ketika penularan pandemik, GDRN melalui teras Jalinan Kemanusiaan (Humanitarian Response) bukan sahaja telah menyalurkan bantuan kepada masyarakat yang terkesan dan bekalan perubatan untuk petugas barisan hadapan semasa pandemik, malah mereka juga telah menggerakkan

sokongan seperti bantuan bencana dalam krisis banjir di negara; secara kumulatifnya menyumbang kira-kira RM342 juta dari tahun 2020 hingga kini. Kini, inisiatif GDRN telah memperluaskan skopnya kepada dua teras impak sosial yang lain, iaitu Jalinan Ilmu (Education) and Jalinan Sejahtera (Community & Wellbeing).

-TAMAT-

#### **GLC Demi Rakyat dan Negara (GDRN)**

Ditubuhkan pada tahun 2013, GDRN yang dahulunya dikenali sebagai “GLC Disaster Response Network”, pada asalnya diperkenalkan untuk menyelaraskan bantuan tindak balas kemanusiaan daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) untuk komuniti yang terjejas akibat bencana alam, terutamanya ketika krisis banjir besar di seluruh negara. Penubuhan rangkaian ini bertujuan mengurangkan pertindihan bantuan, sekaligus memastikan bantuan dapat disampaikan dengan lebih meluas dan efektif. GDRN ditubuhkan melalui Putrajaya Committee for GLC High Performance (“PCG”) bersama Khazanah Nasional (“Khazanah”) selaku Sekretariat Bersama. Sejak 2014, Telekom Malaysia (TM) dan kini melalui Yayasan berimpak sosial mereka iaitu Yayasan TM, sebuah entiti PCG bersama Yayasan Hasanah, yayasan berasaskan impak Khazanah, telah berkhidmat sebagai Sekretariat Bersama GDRN. Apabila negara dilanda krisis wabak Covid-19, usaha GDRN turut meliputi bantuan kemanusiaan buat komuniti terjejas dan bekalan peralatan buat barisan hadapan sektor kesihatan. Pada Mac 2022, GDRN telah dinamakan semula sebagai “GLC Demi Rakyat & Negara” bagi menggambarkan skop yang telah diperkembangkan dalam menerajui usaha impak sosial secara lebih menyeluruh di Malaysia. Kini, peranan GDRN merangkumi tiga teras utama, iaitu Jalinan Ilmu, Jalinan Sejahtera dan Jalinan Kemanusiaan; dianggotai oleh barisan syarikat GLC dan GLIC di dalam negara.

Untuk maklumat lanjut, layari <https://gdrnbantu.online/>